



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**EXAMINATION
FOR
THE CERTIFICATE IN LEGAL PRACTICE
2023 JULY EXAMINATION**

CRIMINAL PROCEDURE

Monday, 24 July 2023

Reading Time : 9.00 a.m. - 9.15 a.m.

Answering Time : 9.15 a.m. - 12.15 p.m.

-
- * THIS PAPER CONSISTS OF TWO (2) PARTS, 'A' AND 'B' .**
 - * YOU ARE REQUIRED TO ANSWER QUESTION 1 (ONE) IN PART 'A' WHICH IS COMPULSORY.**
 - * YOU ARE ALSO REQUIRED TO ANSWER THREE (3) QUESTIONS OUT OF SIX (6) QUESTIONS IN PART 'B'.**
 - * GIVE REASONS FOR YOUR ANSWERS.**
 - * RELEVANT CASES AND STATUTORY PROVISIONS MUST BE CITED IN ALL ANSWERS.**
-

REMINDER:

Pursuant to the announcement issued by the Legal Profession Qualifying Board Malaysia dated 14 June 2000 on the use of the national language in the Examination for the Certificate in Legal Practice, this examination paper is set in the English and national language. Candidates may answer questions **either** in the English or national language.

(This question paper has 7 questions printed on 9 pages)

PART A: COMPULSORY QUESTION**1. Candidates MUST answer this question**

On 26 May 2023 OKT was arrested by the police and the next day, he was charged for self-administration of a dangerous drug under section 15(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 which is punishable under section 39C(1) of the same Act. Section 39C(1) provides that if a person is found guilty of an offence under section 15(1)(a), he shall be punished with imprisonment for a term which shall not be less than five years but shall not exceed seven years, and he shall also be punished with whipping of not more than three strokes. The prosecution was conducted by Inspector PO. After the charge was read and explained to OKT, he pleaded guilty to the charge and was convicted and sentenced to five-year imprisonment and one stroke of the rattan. OKT was not represented.

Based on the above, determine:

(a) **Whether OKT has the right to be granted bail if he pleaded not guilty.**

(5 marks)

(b) **Which court would have the jurisdiction to hear the case.**

(5 marks)

(c) **Whether Inspector PO had the authority to conduct the prosecution.**

(5 marks)

(d) **Whether it was safe to accept OKT's guilty plea.**

(10 marks)

PART B: ANSWER ANY THREE (3) QUESTIONS**2. Answer ALL parts of this question**

The Petaling Jaya Magistrate's Court issued a search warrant on the basis of a letter of application by ASP Mokhtar, the investigation officer (IO), on behalf of the Head of the Criminal Investigation Department, Selangor. In the application, it was stated that the police required a search warrant to search a private premises named in the application to obtain certain items which were required for investigations. In the annexure to the application, the police listed the items required for further and more effective investigation. The search warrant that was issued by the Magistrate required the police to produce immediately before the court whatever items listed in the annexure that had been searched and seized from the premises. Two (2) days after the search of the premises and seizure of the items from the premises, ASP Mokhtar informed the Magistrate of his actions but did not produce all the items before the Magistrate. ASP Mokhtar only returned the search warrant.

Based on the above, examine:

(a) **Whether the search warrant was issued in compliance with the law.**

(10 marks)

(b) **Assuming that the search warrant was issued in compliance with the law, whether the police had complied with the requirements stated in the search warrant and if no, the effect of such non-compliance.**

(15 marks)

3. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) On 10 April 2023 at about 6.15 pm, a team of police officers headed by ASP Abu raided the premises of BTS Publishing Sdn. Bhd. in Brickfields based on the information received by the police. During the raid, the police seized two (2) books written by Boey TS (BTS). Upon perusing and checking the contents of the books, ASP Abu arrested BTS, who was in the premises. BTS was informed that the contents of his books tended to bring hatred, contempt or to excite disaffection against the Government and the administration of justice in Malaysia. He was taken by ASP Abu to Balai Polis Dang Wangi. He was kept in remand that night. No statement was recorded from him. The following day, he was brought before a Magistrate where he was ordered to be remanded in police custody for one day. After having his statement recorded by the police, BTS was released the day after. There was no other investigation carried out on BTS other than the recording of his statements. BTS was also not charged for any offence.

Examine whether the arrest of BTS was lawful.

(10 marks)

- (b) “Commencement of criminal trials ought not to be delayed.”

Mohd Nazlan Mohd Ghazali J (as he then was) in *Riza Shahriz bin Abdul Aziz & Anor v Pendakwa Raya* [2019] MLJU 1824, 1831.

Explain the statement above. Support your answer with case law.

(5 marks)

- (c) The accused was charged at the Kuala Lumpur Sessions Court with five (5) charges under section 4(1)(a) of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001

(AMLATFPUAA). The accused applied to the High Court for the transfer of his case from the Sessions Court to the High Court. The accused advanced a number of reasons to support his transfer application. Firstly, that questions of law of unusual difficulty were likely to arise as the trial would involve complex and novel questions of law, including *inter alia*, the provisions of the AMLATFPUAA, since the offences were allegedly committed outside Malaysia and might involve issues of extraterritorial jurisdiction, cross border transactions and admissibility of evidence from foreign countries. Secondly, the accused argued that since the High Court at Kuala Lumpur had previously allowed the criminal proceedings like the 1MDB case to be transferred from the Sessions Court to the High Court on the basis that the case raised complex questions of law, it should allow the application. Thirdly, the accused argued that the transfer of his case would be expedient for the ends of justice and would ensure the applicant's constitutional right to a fair trial is preserved.

As the High Court Judge, how would you decide on the applications?

(10 marks)

4. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) On 10 March 2023, a company director was charged with six (6) charges under section 409 of the Penal Code. The company director, who was represented, pleaded not guilty and claimed trial to all the charges. The Sessions Court Judge (SCJ) allowed the company director bail at RM500,000.00 with one surety and the additional condition that he surrenders his passport. The Judge also set 7 April 2023 for mention. In the same court, a trader was charged with two (2) counts of cheating under section 420 of the same Code. The trader, who was unrepresented, claimed trial to the charges. The SCJ allowed bail of RM10,000.00 with one surety on both charges and also ordered the trader to surrender his passport to the

court, as well as report himself at the nearest police station every month. The Judge also set 7 April 2023 for mention to allow the trader to appoint an advocate.

Based on the above:

(i) **Explain the duties of the advocate representing the company director in relation to a pre-trial conference between 10 March 2023 and 7 April 2023.**

(7 marks)

(ii) **In view of the fact that the trader was unrepresented, explain what the SCJ must do in relation to a case management process.**

(5 marks)

(b) **With the aid of decided cases, explain what a hunch is and whether it will suffice to impeach the credit of a witness.**

(13 marks)

5. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

Taiko has been charged for an offence of causing grievous hurt punishable under section 326 of the Penal Code at the Sessions Court in Muar, Johore. The facts of the case revealed that on 22 February 2022, Taiko had abused his wife by causing grievous injuries. The trial had commenced. However, at the midway of the trial, Taiko pleaded guilty to the charge.

At the end of the proceeding, upon hearing the mitigation by Taiko's counsel En. Mudah and the aggravating factors by the Deputy Public Prosecutor (DPP) respectively, the Sessions Court Judge, Tuan Andy trying the case decided to release Taiko on a bond of good behaviour pursuant to section 294 of the Criminal

Procedure Code. The DPP had then filed an appeal against the sentence at the High Court in Muar. Meanwhile the learned High Court Judge of the High Court in Muar, Yang Arif Adil decided to call up the matter for a revision.

- (a) **Could the High Court Judge, Yang Arif Adil, call up the matter for a revision in view of the appeal filed by the DPP?**

(7 marks)

- (b) **Discuss as to the legality of the sentence meted out by the learned Sessions Court Judge, Tuan Andy.**

Elaborate your answer with reasons supported by the provision of the Criminal Procedure Code and decided cases.

(10 marks)

- (c) **What are the likely orders that may be made by the learned High Court Judge when exercising his revisionary powers?**

(8 marks)

6. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

Cashwin was charged for two (2) offences of corruption at the Sessions Court Shah Alam, Selangor. During trial, seventeen (17) witnesses for the prosecution have testified in open court. In the year 2023, Cashwin through his lawyer Mr. Athi made a representation to the Public Prosecutor to have the charge against him withdrawn in view of the fact that there has been a material change in the circumstances of the case involving Cashwin, which has affected the foundation of the charge against him. The Public Prosecutor agreed to the withdrawal. Upon the application being made by the prosecution in open court, the learned Sessions Court Judge allowed the withdrawal of the said charge and consequently decided to acquit and discharge Cashwin from all charges against him.

Discuss the following:

- (a) **The validity of the order of acquittal and discharge made by the learned Sessions Court Judge.**

(8 marks)

- (b) **The legal provision available for the prosecution to make an application to withdraw the charges against Cashwin.**

(5 marks)

- (c) **If not for the withdrawal of the charges against Cashwin by the prosecution, when can he be possibly discharged by the Court from the charges against him?**

(7 marks)

- (d) **Assuming, if the Sessions Court Judge decided to give an ‘order of discharge not amounting to an acquittal’, can the prosecution in the future reinstate the trial against Cashwin and continue with the rest of the witnesses?**

(5 marks)

7. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

Moo Tee Poo, aged 53 years old was charged with seven (7) offences of forging valuable security documents to transfer properties to himself punishable under section 467 of the Penal Code, and another five (5) charges for offences of cheating under section 420 of the Penal Code at the Sessions Court Seremban, Negeri Sembilan.

All the offences were committed over a period of three (3) years.

Witnesses at the trial testified that they were deceived by the accused using forged valuable security documents to effect a transfer of the said properties to the accused.

All the twelve (12) charges were jointly tried at one trial. At the end of trial, Puan Najihah, the Sessions Court Judge convicted Moo Tee Poo and sentenced him to a total of sixteen (16) years imprisonment and whipping of two (2) strokes for each of the twelve (12) charges.

(a) **Explain what is the purpose of a charge and the basic requirements in framing a proper charge.**

(10 marks)

(b) **Advise Puan Najihah, the Sessions Court Judge in Seremban, as to whether all the twelve (12) charges could be tried jointly.**

(10 marks)

(c) **Advise Moo Tee Poo as to the legality of the imposition of two (2) strokes of whipping for each of the twelve (12) charges.**

(5 marks)

oOOo



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**PEPERIKSAAN
BAGI
SIJIL AMALAN GUAMAN
PEPERIKSAAN BULAN JULAI 2023**

PROSEDUR JENAYAH

Isnin, 24 Julai 2023

Masa Membaca : 9.00 pagi - 9.15 pagi

Masa Menjawab : 9.15 pagi - 12.15 tengah hari

-
- *KERTAS INI MENGANDUNGI DUA (2) BAHAGIAN, 'A' DAN 'B'.**
 - *ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN 1 (SATU) DALAM BAHAGIAN 'A' YANG WAJIB.**
 - *ANDA JUGA DIKEHENDAKI MENJAWAB TIGA (3) SOALAN DARIPADA ENAM (6) SOALAN DALAM BAHAGIAN 'B'.**
 - *BERIKAN ALASAN BAGI JAWAPAN ANDA.**
 - *KES DAN PERUNTUKAN STATUTORI YANG RELEVAN MESTILAH DISEBUTKAN DALAM SEMUA JAWAPAN.**
-

PERINGATAN:

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia bertarikh 14 Jun 2000 mengenai penggunaan bahasa kebangsaan dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, kertas peperiksaan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Calon-calon boleh menjawab soalan-soalan **sama ada** dalam bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan.

(Kertas soalan ini mengandungi 7 soalan yang dicetak pada 10 muka surat)

BAHAGIAN A: SOALAN WAJIB**1. Calon MESTI menjawab soalan ini**

Pada 26 Mei 2023 OKT telah ditangkap oleh polis dan pada hari yang berikutnya, dia telah dipertuduh memasukkan dadah berbahaya ke dalam badannya sendiri di bawah seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39C(1) Akta yang sama. Seksyen 39C(1) memperuntukkan bahawa jika seseorang didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah seksyen 15(1)(a), dia hendaklah dihukum dengan pemenjaraan bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada lima tahun tetapi tidak melebihi tujuh tahun, dan dia juga hendaklah dihukum dengan sebat yang tidak lebih daripada tiga sebatan. Pendakwaan dijalankan oleh Inspektor PO. Selepas pertuduhan dibacakan dan diterangkan kepada OKT, dia mengaku salah terhadap pertuduhan itu dan telah disabitkan dan dihukum dengan pemenjaraan lima tahun dan satu sebatan rotan. OKT tidak diwakili.

Berdasarkan perkara di atas, tentukan:

(a) **Sama ada OKT mempunyai hak untuk diberikan jaminan jika dia mengaku tidak bersalah.**

(5 markah)

(b) **Mahkamah yang manakah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes itu.**

(5 markah)

(c) **Sama ada Inspektor PO mempunyai kuasa untuk menjalankan pendakwaan.**

(5 markah)

(d) **Sama ada selamat untuk menerimaakuan bersalah OKT.**

(10 markah)

BAHAGIAN B: JAWAB MANA-MANA TIGA (3) SOALAN**2. Jawab SEMUA bahagian soalan ini**

Mahkamah Majistret Petaling Jaya telah mengeluarkan suatu waran geledah berdasarkan surat permohonan oleh ASP Mokhtar, pegawai penyiasat (PP), bagi pihak Ketua Jabatan Siasatan Jenayah, Selangor. Dalam permohonan itu, dinyatakan bahawa polis menghendaki suatu waran geledah untuk menggeledah premis persendirian yang dinamakan dalam permohonan itu untuk mendapatkan item-item tertentu yang dikehendaki bagi penyiasatan. Dalam lampiran kepada permohonan itu, polis menyenaraikan item-item yang dikehendaki bagi penyiasatan lanjut dan lebih berkesan. Waran geledah yang dikeluarkan oleh Majistret itu menghendaki polis untuk mengemukakan dengan segera di hadapan mahkamah apa jua item yang disenaraikan dalam lampiran itu yang telah digeledah dan disita daripada premis itu. Dua (2) hari selepas penggeledahan premis itu dan penyitaan item-item daripada premis itu, ASP Mokhtar memaklumkan Majistret mengenai tindakannya tetapi tidak mengemukakan semua item tersebut di hadapan Majistret. ASP Mokhtar hanya mengembalikan waran geledah itu.

Berdasarkan perkara di atas, kaji:

(a) **Sama ada waran geledah itu dikeluarkan dengan mematuhi undang-undang.**

(10 markah)

(b) **Seandainya waran geledah itu dikeluarkan dengan mematuhi undang-undang, sama ada polis telah mematuhi kehendak yang dinyatakan dalam waran geledah itu dan jika tidak, kesan ketidakpatuhan sedemikian.**

(15 markah)

3. **Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

- (a) Pada 10 April 2023 pada pukul lebih kurang 6.15 petang, sepasukan pegawai polis yang diketuai oleh ASP Abu menyerbu premis BTS Publishing Sdn. Bhd. di Brickfields berdasarkan maklumat yang diterima oleh polis. Semasa serbuan itu, polis telah menyita dua (2) buah buku yang ditulis oleh Boey TS (BTS). Setelah meneliti dan menyemak kandungan buku itu, ASP Abu menangkap BTS, yang berada di dalam premis itu. BTS telah dimaklumkan bahawa kandungan bukunya cenderung untuk mendatangkan kebencian, penghinaan atau untuk membangkitkan perasaan tidak puas hati terhadap Kerajaan dan pentadbiran keadilan di Malaysia. Dia telah dibawa oleh ASP Abu ke Balai Polis Dang Wangi. Dia telah ditahan reman pada malam itu. Tiada pernyataan dirakamkan daripadanya. Pada keesokan harinya, dia telah dibawa ke hadapan Majistret di mana dia diperintahkan untuk direman dalam jagaan polis selama satu hari. Selepas pernyataannya dirakamkan oleh polis, BTS telah dibebaskan pada keesokan harinya. Tiada penyiasatan lain dijalankan terhadap BTS selain rakaman pernyataannya. BTS juga tidak dipertuduh atas apa-apa kesalahan.

Kaji sama ada penangkapan BTS adalah sah.

(10 markah)

- (b) “Permulaan perbicaraan jenayah tidak sepatutnya dilengahkan.”

Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali (pada ketika itu) dalam *Riza Shahriz bin Abdul Aziz & Anor lwn Pendakwa Raya* [2019] MLJU 1824, 1831.

Jelaskan pernyataan di atas. Sokong jawapan anda dengan undang-undang kes.

(5 markah)

- (c) Tertuduh telah dipertuduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas lima (5) pertuduhan di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (APPWHPPKHAH). Tertuduh telah memohon kepada Mahkamah Tinggi supaya kesnya dipindahkan dari Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Tinggi. Tertuduh mengemukakan beberapa alasan untuk menyokong permohonan pemindahan kesnya itu. Yang pertama, bahawa persoalan undang-undang yang luar biasa sukarnya mungkin berbangkit memandangkan perbicaraan akan melibatkan persoalan undang-undang yang kompleks dan baharu, termasuk antara lain, peruntukan APPWHPPKHAH, memandangkan kesalahan-kesalahan itu dikatakan telah dilakukan di luar Malaysia dan mungkin melibatkan isu bidang kuasa luar wilayah, transaksi rentas sempadan dan kebolehterimaan keterangan daripada negara asing. Yang kedua, tertuduh berhujah bahawa memandangkan Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur sebelum ini telah membenarkan prosiding jenayah seperti kes 1MDB dipindahkan dari Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Tinggi atas dasar bahawa kes tersebut membangkitkan persoalan undang-undang yang kompleks, ia sepatutnya membenarkan permohonan itu. Yang ketiga, tertuduh berhujah bahawa pemindahan kesnya itu adalah suai manfaat demi matlamat keadilan dan akan memastikan hak pemohon di sisi perlembagaan kepada suatu perbicaraan yang adil terpelihara.

Sebagai Hakim Mahkamah Tinggi, bagaimanakah anda memutuskan permohonan itu?

(10 markah)

4. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) Pada 10 Mac 2023, seorang pengarah syarikat telah dipertuduh atas enam (6) pertuduhan di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan. Pengarah syarikat itu, yang diwakili, mengaku tidak bersalah dan memohon untuk dibicarakan terhadap semua pertuduhan itu. Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) membenarkan pengarah syarikat itu dijamin sebanyak RM500,000.00 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan supaya dia menyerahkan pasportnya. Hakim juga menetapkan 7 April 2023 untuk sebutan. Di mahkamah yang sama, seorang peniaga telah dipertuduh atas dua (2) kesalahan menipu di bawah seksyen 420 Kanun yang sama. Peniaga itu, yang tidak diwakili, memohon untuk dibicarakan terhadap pertuduhan-pertuduhan itu. HMS membenarkan jaminan sebanyak RM10,000.00 dengan seorang penjamin terhadap kedua-dua pertuduhan itu dan juga memerintahkan peniaga itu untuk menyerahkan pasportnya kepada mahkamah, serta melaporkan dirinya di balai polis yang berhampiran pada setiap bulan. Hakim juga menetapkan 7 April 2023 untuk sebutan untuk membolehkan peniaga itu melantik peguam bela.

Berdasarkan perkara di atas:

- (i) **Jelaskan kewajipan peguam bela yang mewakili pengarah syarikat itu berhubung dengan persidangan sebelum bicara antara 10 Mac 2023 hingga 7 April 2023.**

(7 markah)

- (ii) **Berdasarkan fakta bahawa peniaga itu tidak diwakili, jelaskan apakah yang mesti dilakukan oleh HMS berhubung dengan proses pengurusan kes.**

(5 markah)

- (b) **Dengan bantuan kes yang telah diputuskan, jelaskan apakah itu gerak hati dan sama ada ia memadai untuk mencabar kebolehpercayaan seseorang saksi.**

(13 markah)

5. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

Taiko telah dipertuduh atas suatu kesalahan menyebabkan cedera parah yang boleh dihukum di bawah seksyen 326 Kanun Keseksaan di Mahkamah Sesyen di Muar, Johor. Fakta kes menunjukkan bahawa pada 22 Februari 2022, Taiko telah mendera isterinya dengan menyebabkan kecederaan parah. Perbicaraan telah dimulakan. Walau bagaimanapun, pada pertengahan perbicaraan, Taiko telah mengaku salah terhadap pertuduhan itu.

Pada akhir prosiding, selepas pendengaran peringanan hukuman oleh peguam Taiko, En. Mudah dan faktor pemberat oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR) masing-masing, Hakim Mahkamah Sesyen, Tuan Andy yang membicarakan kes itu memutuskan untuk melepaskan Taiko dengan bon berkelakuan baik menurut seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah. TPR kemudiannya telah memfailkan rayuan terhadap hukuman itu di Mahkamah Tinggi di Muar. Pada masa yang sama, Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana di Mahkamah Tinggi di Muar, Yang Arif Adil memutuskan untuk memanggil perkara itu untuk semakan.

- (a) **Bolehkah Hakim Mahkamah Tinggi, Yang Arif Adil, memanggil perkara itu untuk semakan memandangkan rayuan telah difailkan oleh TPR?**

(7 markah)

- (b) **Bincangkan tentang kesahan hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana, Tuan Andy.**

Huraikan dengan lebih lanjut jawapan anda dengan alasan yang disokong dengan peruntukan Kanun Tatacara Jenayah dan kes-kes yang diputuskan.

(10 markah)

- (c) **Apakah perintah yang mungkin dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana apabila menjalankan kuasa penyemakannya?**

(8 markah)

6. **Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

Cashwin telah dipertuduh atas dua (2) kesalahan rasuah di Mahkamah Sesyen Shah Alam, Selangor. Semasa perbicaraan, tujuh belas (17) orang saksi pihak pendakwaan telah memberikan keterangan di mahkamah terbuka. Pada tahun 2023, Cashwin melalui peguamnya Encik Athi telah membuat representasi kepada Pendakwa Raya supaya pertuduhan terhadapnya ditarik balik berdasarkan fakta bahawa terdapat perubahan yang material dalam hal keadaan kes itu yang melibatkan Cashwin, yang telah menjejaskan asas pertuduhan terhadapnya. Pendakwa Raya bersetuju pertuduhan itu ditarik balik. Apabila permohonan dibuat oleh pihak pendakwaan di mahkamah terbuka, Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana telah membenarkan pertuduhan tersebut ditarik balik dan seterusnya memutuskan untuk membebaskan dan melepaskan Cashwin daripada semua pertuduhan terhadapnya.

Bincangkan yang berikut:

- (a) Kesahan perintah pembebasan dan pelepasan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana.

(8 markah)

- (b) Peruntukan undang-undang yang ada untuk pihak pendakwaan membuat permohonan untuk menarik balik pertuduhan terhadap Cashwin.

(5 markah)

- (c) Jika tidak kerana pertuduhan terhadap Cashwin ditarik balik oleh pihak pendakwaan, bilakah dia mungkin dilepaskan oleh Mahkamah daripada pertuduhan terhadapnya?

(7 markah)

- (d) Andaikan, jika Hakim Mahkamah Sesyen memutuskan untuk memberikan suatu 'perintah pelepasan yang tidak terjumlah kepada pembebasan', bolehkah pihak pendakwaan pada masa hadapan menghidupkan semula perbicaraan terhadap Cashwin dan meneruskannya dengan saksi-saksi yang lain?

(5 markah)

7. **Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

Moo Tee Poo, berumur 53 tahun telah dipertuduh atas tujuh (7) kesalahan memalsukan dokumen cagaran berharga untuk memindahkan hakmilik harta kepada dirinya yang boleh dihukum di bawah seksyen 467 Kanun Keseksan, dan

lima (5) pertuduhan lain atas kesalahan menipu di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan di Mahkamah Sesyen Seremban, Negeri Sembilan.

Semua kesalahan telah dilakukan dalam tempoh tiga (3) tahun.

Saksi-saksi pada perbicaraan memberikan keterangan bahawa mereka telah diperdaya oleh tertuduh yang menggunakan dokumen cagaran berharga yang dipalsukan untuk melaksanakan pemindahan hakmilik harta tersebut kepada tertuduh.

Kesemua dua belas (12) pertuduhan itu dibicarakan secara bersesama dalam satu perbicaraan. Pada akhir perbicaraan, Puan Najihah, Hakim Mahkamah Sesyen mensabitkan Moo Tee Poo dan menjatuhkan hukuman ke atasnya dengan pemenjaraan selama enam belas (16) tahun keseluruhannya dan dengan sebat sebanyak dua (2) sebatan bagi setiap satu daripada dua belas (12) pertuduhan itu.

(a) **Jelaskan apakah tujuan sesuatu pertuduhan dan apakah kehendak asas dalam merangka suatu pertuduhan yang sepatutnya.**

(10 markah)

(b) **Berikan nasihat kepada Puan Najihah, Hakim Mahkamah Sesyen di Seremban, tentang sama ada kesemua dua belas (12) pertuduhan itu boleh dibicarakan secara bersesama.**

(10 markah)

(c) **Berikan nasihat kepada Moo Tee Poo tentang kesahan pengenaan dua (2) sebatan sebat bagi setiap satu daripada dua belas (12) pertuduhan itu.**

(5 markah)

oOOo